

2.83 JUTA PELANCONG BERKUNJUNG KE PAHANG DARI JANUARI HINGGA MAC LALU

KUANTAN, 22 JULAI 2024 : Seramai 2.83 juta pelancong dari dalam dan luar negara direkodkan telah berkunjung ke Negeri Pahang bermula Januari hingga Mac lalu.

EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan Negeri Pahang, YB Cik Leong Yu Man berkata, daripada jumlah itu, 360,313 adalah merupakan pelancong luar negara yang berasal daripada negara Singapura, Indonesia, China, Thailand, India, Germany, United Kingdom, Australia, Netherlands dan Amerika Syarikat, manakala 2,469,949 daripadanya merupakan pelancong tempatan.

“Genting Highlands merupakan antara destinasi pelancongan popular untuk Negeri Pahang. Setakat bulan Mac 2024 sahaja, seramai 1,724,924 pelancong tempatan dan luar negara telah berkunjung ke Genting Highlands.

“Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 15.17 peritus berbanding jumlah kedatangan pelancong ke Genting Highlands pada suku tahun pertama 2023 iaitu seramai 1,497,719 orang pelancong,” katanya dalam sidang Majlis Sidang Akhbar untuk 1001 *Nights Hotel, Trademark Collection By Wyndham* di Genting Highlands.

Beliau berkata, 1001 *Nights Hotel Trademark Collection by Wyndham* dibangunkan pada puncak Genting Highlands yang merupakan tempat yang paling strategik untuk para pengunjung menikmati keindahan puncak Banjaran Titiwangsa serta flora dan fauna Negeri Pahang.

“Kerajaan Negeri Pahang mahu menggalakkan lebih ramai kemasukan pelancong antarabangsa dan akan mempergiat promosi serta program untuk menarik pengunjung ke negeri ini.

“Dengan terbinanya 1001 *Nights Hotel Trademark Collection By Wyndham*, Genting Highlands akan menjadi salah satu daya tarikan untuk para pengunjung,” katanya. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

(LIPUTAN BERGAMBAR)

